

## **JKM selamatkan tiga beradik mangsa pengabaian**

**JOHOR BAHRU** – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil tindakan menyelamatkan tiga beradik berusia setahun hingga enam tahun selepas dipercayai menjadi mangsa pengabaian ibu bapa mereka di Larkin Perdana, di sini, Khamis lepas.

Pegawai Pejabat Kebajikan Daerah Johor Bahru, Normawarni Mahat berkata, tindakan itu diambil bagi menjalankan siasatan mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati dua kanak-kanak perempuan dan seorang kanak-kanak lelaki itu ditinggalkan di sebuah bilik sewa rumah kedai di lokasi berkenaan tanpa pengawasan orang dewasa.

"Pelindung kanak-kanak JKJ ke tempat tinggal mereka bersama anggota polis dari Balai Polis Larkin selepas menerima aduan pada Rabu le-

pas yang memberitahu kanak-kanak itu tidak mempunyai bekalan makanan secukupnya.

"Pemerhatian kami juga mendapati mereka kekurangan makanan, pakaian dan penjagaan. Kanak-kanak itu juga dibiarkan tanpa pengawasan sewajarnya," katanya.

Normawarni berkata, pihaknya berharap ibu bapa kanak-kanak berkenaan tampil ke Pejabat JKJ Daerah Johor Bahru bagi membincangkan masa depan mereka.

"Selama kira-kira sejam pelindung berada di situ, namun ibu bapa mereka tidak muncul.

"Ketiga-tiga kanak-kanak itu kini masih di bawah perlindungan JKJ," katanya.

Terdahulu, kisah ketiga-tiga beradik itu tular di laman sosial dan mendapat pelbagai reaksi daripada orang ramai.



Gambar tiga beradik yang tular di laman sosial, baru-baru ini.



Pelindung JKJ bersama tiga beradik yang diselamatkan.